



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisycop: Archbisycop Datuk Melter Jiki Tais

Rektor: Archdekan Moses Chin



**Hubung**

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,

88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Epifani 3 - 21 Januari 2024

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Anak-Mu dinyatakan dalam tanda dan mukjizat keajaiban kasih-Mu yang menyelamatkan; baharuilah umat-Mu dengan anugerah-Mu yang syurgawi, dan dalam segala kelemahan kami, kuatkanlah kami oleh kuasa-Mu yang besar, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.



**Ketika Aku lapar, kamu memberi  
Aku makan ... - Yesus, Matius 25:35**

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: [https://www.youtube.com/](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke dalam perkumpulan umat Tuhan.  
Kita bersama-sama beribadah kepada Tuhan Yesus yang telah bangkit  
dan mendorong satu sama lain untuk mentaati-Nya.

### 1. SELAMAT DATANG

Sambutan hangat kepada Archbisyop Melter, Datin Angeline, dan ahli keluarga mereka. Mereka berada di sini untuk beribadah dan melayani di semua 3 Kebaktian.

### 2. PERHIMPUNAN PROVINSI

- 23 Jan, Selasa ini - Bisyop Dr. Titus Chung akan dilantik sebagai Archbisyop ke-7 bagi Wilayah Asia Tenggara; di Katedral St. Andrew, Singapura. Archbisyop Melter akan menyerahkan tanggungjawabnya sebagai Uskup Agung kepadanya. Rektor kita, Ps. Margaret, dan yang lain dari Diosis kita akan menghadiri acara tersebut.
- 24-26 Jan - Mesyuarat Sinod Provinsi, di Singapura.
- 28 Jan - Rev. Tan Chor Kee akan menyerahkan tanggungjawab pelayanan di Thailand kepada pemimpin tempatan. Rektor kita akan menyelia proses peralihan tersebut. Rev. Chor Kee akan kembali ke Sabah untuk melayani di Katedral All Saints.
- [ Rektor kita akan berpergian ke luar kota pada 22-29 Jan; manakala Ps Margaret dari tanggal 22-26 Jan. Sebarang perkara mustahak, sila rujuk kepada Warden. ]

### 3. SELAMAT ULANG TAHUN KE-110

Hari ini, 21 Januari, adalah Hari St. Agnes. Ucapan selamat ulang tahun ke -110 kepada Lembaga Sekolah, PIBG, guru besar, guru-guru, ibu bapa dan pelajar Sekolah St. Agnes. Bermula pada tahun 1914 sebagai sekolah perempuan, sekolah ini telah berkembang menjadi salah satu sekolah rendah yang terbaik di Sabah. Puji Tuhan. Pelbagai aktiviti akan dijalankan sepanjang tahun ini sempena sambutan perayaan tersebut.

### 4. PUJI TUHAN & TERIMA KASIH

Segala puji dan kemuliaan bagi Tuhan atas kesetiaan-Nya di sepanjang tahun 2023. Berdoa untuk iman yang lebih besar agar kita lebih mempercayai-Nya, untuk tahun ini. Terima kasih semua.

Kehadiran	2023	2022	Jumlah Pemberian (RM)	2023	2022
Cina	104	82		1,099,000 (belum audit)	883,836
Inggeris	193	167			
BM	204	149			
Jumlah	501	398			

## 5. UMAT KEPUNYAAN ALLAH SENDIRI

Siri khutbah kita diteruskan:

- 7 Jan - Abraham: bapa
- 14 Jan - Ishak: pengecut
- hari ini, 21 Jan - *lawatan Archbisyp*
- 28 Jan - Yakub: penipu
- 4 Feb - Yusuf: pemimpin
- 11 Feb - Yusuf: banduan
- 18 Feb - Yusuf: penyelamat

Carilah masa untuk membaca kitab Kejadian, terutamanya di fasal 12-50. Ia adalah suatu cerita yang berkesinambungan. Kiranya kita mendengarkan suara Tuhan.



## 6. PELAYANAN YANG LAIN

- 25 Jan, Khamis ini - 8:00 pagi: Kebaktian Perjamuan Kudus di gereja. 9:00 pagi dan seterusnya: lawatan rumah. Sila hubungi pejabat gereja, jika orang yang anda kasihi memerlukan pelayanan ini.
- Gubahan bunga hari ini disumbangkan oleh Liza Lok & keluarga, sebagai tanda kesyukuran.
- Pemberitahuan perkahwinan yang ke-3 di antara Alkeen Peer Andrew & Rosaini Jamaran (jemaat BM).

## 7. MALAR HIJAU

Pelayanan warga emas kita telah dinamakan semula sebagai 'The Evergreens' (atau 'Malar Hijau'). Beberapa aktiviti tersedia:

- 27 Jan, Sabtu hadapan - pertemuan pertama untuk 2024
- 17 Feb - pertemuan CNY. Jemputan melalui tiket disediakan.
- semua pertemuan akan dijalankan dalam dwibahasa - dalam BC dan BI. Juga menggalakkan semua jemaat berbahasa Inggeris untuk menyertainya;
- Diadakan sekali dalam dua minggu, Dewan Omega, 9:30 pg.



## 8. KHEMAH KANAK-KANAK DIOSIS - 4-7 Mac

Kami menganjurkan perkhemahan kanak-kanak BC & BI Diosis tahun ini. Borang permohonan ada tersedia. Dijangka 500 kanak-kanak menyertainya.

Kami memerlukan sukarelawan untuk duduk bersama kanak-kanak semasa sesi, memimpin permainan, memimpin lagu, menghidangkan makanan dan minuman, dan banyak lagi pelayanan. Atau, anda juga boleh menderma berupa tunai atau barangan. Jika anda boleh membantu dalam beberapa cara tersebut, sila hubungi Lisa atau Fen Fen.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## 'PERJALANAN IMAN'

19 Jan - Pelancaran Perayaan Ulang Tahun Sekolah St. Agnes yang ke-110.

20 Jan - Kebaktian Kesyukuran.

Aktiviti seterusnya - bazar, makan malam, dll.



## UNTUK DIDOAKAN

### Negara kita yang tercinta

- berdoa untuk kestabilan Kerajaan Pemerintah  
[ supaya Injil dapat dipraktikkan dalam berkongsi kebaikan Tuhan dengan rakan-rakan dan tetangga ]

### Provinsi kita yang tercinta

- bersyukur untuk Archbisyop Melter; berdoa untuk Archbisyop-Terpilih Dr. Titus Chung  
[ berdoalah agar Injil Kristus akan terus berkembang di provinsi kita ]

### Untuk Diri Sendiri

- agar kita memberi diri untuk mengasihi dan melayani, lebih banyak lagi pada tahun 2024  
[ memohon keberanian untuk mengikuti tuntunan dan pimpinan Tuhan ]

- berdoa untuk mereka yang dalam kelemahan tubuh, minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.